

07/04/1997

PM dirai di majlis makan malam

BANDAR RAYA KUWAIT, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diraikan di jamuan makan malam oleh pemangku Perdana Menteri Kuwait, Sheikh Sabah Al-Ahmed Al-Jaber Al-Sabah di Istana Bayan malam tadi.

Perdana Menteri yang tiba semalam untuk lawatan rasmi tiga hari diiringi Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed, Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Affifuddin Omar dan beberapa tokoh perniagaan Malaysia. Turut hadir ialah anggota jemaah menteri Kuwait.

Lawatan itu bertujuan mengukuhkan lagi hubungan dua hala selain memantapkan jalinan antara sektor perniagaan kedua-dua negara.

Sebelum itu, Dr Mahathir dikunjungi oleh Timbalan Perdana Menteri Kuwait, Nassar Abdullah Al-Rawdhan, yang juga Menteri Kewangan di Istana Bayan, tempat Perdana Menteri menginap.

Pada siangnya Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali melawat Istana Al-Seif yang akan menempatkan pejabat Emir Kuwait serta anggota Kabinetnya.

Dr Mahathir dan rombongan juga dibawa melawat Kuwait Liberation Tower, sebuah menara telekomunikasi yang kelima tertinggi di dunia.

Menara setinggi 372 meter itu dibina dua tahun sebelum Perang Teluk. Ia sepatutnya dinamakan Menara Telekomunikasi tetapi ditukar kepada `menara pembebasan' sebagai lambang kepada pembebasan negara itu daripada cubaan penaklukan oleh Iraq.

(END)